

29/03/2001

PM minta ahli Pas buka mata

Wan Hazmir Bakar; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata ahli Pas seharusnya membuka mata terhadap kelakuan pemimpin mereka yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Pas bukan saja enggan bekerjasama untuk menyatupadukan orang Melayu dan umat Islam, malah terus melemparkan fitnah, termasuk mengkafirkan orang Umno.

"Orang Pas, bukalah mata, lihatlah kelakuan pemimpin (mereka) yang lari daripada ajaran Islam.

"Bacalah Amanat Haji Hadi yang jelas mengatakan orang Umno itu kafir... tetapi mereka tidak mengakui mereka membuat fitnah," katanya berucap pada majlis pelancaran Pemimpin Bersama Rakyat Peringkat Kebangsaan anjuran K3P Wilayah Persekutuan di Kampung Sungai Mulia di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob; Penasihat Agama Kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr Suleiman Mohamad, selaku Pengerusi K3P Wilayah Persekutuan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ahli Pas sebenarnya menyedari kesalahan pemimpin mereka, tetapi enggan menerima hakikat itu dan menyifatkannya sebagai strategi politik.

Beliau memberi contoh, walaupun ahli Pas tidak menyukai tindakan Mursyidul Am parti itu, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, melawat kawasan ternakan babi di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan baru-baru, mereka tidak membantahnya.

"Walaupun, pemimpin mereka buat salah, mereka kata ini helah untuk memancing undi. Mereka kata itu helah pemimpin kita. Kita pergilah kandang babi, balik kita samaklah," katanya sambil mengingatkan kaum Cina supaya tidak terpedaya dengan parti pembangkang itu.

Perdana Menteri berkata, pemimpin Pas bertindak demikian semata-mata untuk memancing sokongan kaum Cina kerana parti itu berangan-angan untuk memerintah negara selepas pilihan raya 2004 nanti.

Beliau berkata, pemimpin Pas yakin mereka sudah memiliki sokongan penuh orang Melayu dan hanya memerlukan sokongan bukan Melayu, khususnya kaum Cina untuk menang.

"Sebab itu mereka membuat helah untuk mengelak daripada berjumpa Umno kerana jika mereka dilihat menyokong perpaduan Melayu, maka orang Cina tidak akan sokong," katanya.

Dr Mahathir berkata, usaha Umno mengajak Pas untuk menyatupadukan bangsa Melayu yang berasaskan empat perkara, iaitu hak dan keistimewaan orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan kedudukan Raja-Raja Melayu, tidak bercanggah dengan perpaduan nasional.

"Apa salahnya dalam perkara ini kita tak bermusuhan sesama kita. Kita bersetuju dengan perpaduan nasional seperti yang dikehendaki Pas," katanya.

Dr Mahathir turut menyelar parti pembangkang yang meneruskan usaha memburukkan kerajaan dengan pelbagai tuduhan dan fitnah, walaupun pilihan raya umum sudah lama berlalu.

Katanya, parti pembangkang yang menyanjungi demokrasi Barat sepatutnya mencontohi parti politik negara berkenaan yang menghentikan kempen selepas pilihan raya berakhir dan kerajaan baru dibentuk.

"Di sini, parti pembangkang meningkatkan kempen melalui ratusan ceramah

umum sepanjang masa untuk lempar fitnah terhadap kerajaan. Mereka tak henti-henti memburukkan kerajaan bertujuan memecah-belahkan rakyat dengan harapan penyokong kerajaan akan menjadi semakin kecil," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya terus bersatu padu bagi mempertahankan negara daripada segala ancaman, termasuk pihak tertentu dalam negara yang ingin menggulingkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, kumpulan itu yang kononnya berjuang atas landasan demokrasi, sebenarnya merancang mencetuskan huru-hara dengan mengadakan demonstrasi jalanan untuk menjatuhkan kerajaan yang dipilih rakyat menerusi sistem demokrasi.

"Kita dapat maklumat mereka sedang berusaha untuk mengadakan demonstrasi jalanan lebih ganas. Mereka percaya jika mereka dapat cetuskan huru-hara seperti di negara asing, mereka dapat jatuhkan kerajaan.

"Ini bukan demokrasi. Jangan biarkan diri kita dipengaruhi fitnah dan cara buruk mereka ini," katanya sambil menghargai perpaduan rakyat selama ini yang membolehkan kerajaan terus membangunkan negara serta memulihkan ekonomi negara ketika kegawatan dulu.

(END)